

<p>HELAIAN KETERANGAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai “IKHLAS Comprehensive Personal Accident Benefit Secure Takaful Rider”. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</p> <p>(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS COMPREHENSIVE PERSONAL ACCIDENT BENEFIT SECURE TAKAFUL RIDER</p> <p>Tarikh: 08/10/2018</p>
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Pelan tambahan ini memberi perlindungan yang komprehensif ke atas Kematian, Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD), Keilatan Separa dan Kekal (PPD), Keilatan Sementara dan Menyeluruh (TTD), dan Keilatan Sementara dan Separa (PTD) yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan sepanjang tempoh Sijil Takaful ini.</p> <p>Tambahan kepada perlindungan yang diberikan, Orang Yang Dilindungi juga berhak mendapat Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Pembedahan (MSER), atau Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Pesakit Luar (OMRB) yang disebabkan secara langsung oleh kemalangan sepanjang tempoh Sijil Takaful.</p>	
<p>2) Apakah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru’ – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta-peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, pihak Syarikat dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. 	
<p>3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>a) Kematian atau Keilatan Kekal dan Menyeluruh (TPD)</p> <p>Sekiranya berlaku kematian atau TPD akibat daripada kemalangan ke atas Orang Yang Dilindungi dalam tempoh Sijil Takaful, Jumlah Perlindungan dan jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada waris Orang Yang Dilindungi atau keluarga terdekat Orang Yang Dilindungi (untuk kes kematian) atau kepada Orang Yang Dilindungi (jika Orang Yang Dilindungi mengalami TPD).</p> <p>Syarat: Definisi TPD adalah berdasarkan "Pekerjaan Sendiri atau Pekerjaan yang Sesuai" dan keilatan telah berlaku sekurang-kurangnya enam (6) bulan, manfaat yang dibayar adalah tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan TPD disahkan. • Sumbangan Takaful tidak tertunggak. <p>b) Keilatan Separa dan Kekal (PPD)</p> <p>Sekiranya berlaku PPD kepada Orang Yang Dilindungi yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh kecederaan anggota badan akibat dari kemalangan di dalam tempoh Sijil Takaful, Peraturan Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dibawah, selepas ditolak sebarang jumlah yang bayar di bawah manfaat TTD dan PTD yang disebabkan oleh kemalangan yang sama, akan dibayar kepada Orang</p>	

Yang Dilindungi.

Agregat semua peratusan yang perlu dibayar berkaitan sebarang kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya 100% manfaat telah dibayar, Sijil Takaful Tambahan ini akan dihentikan berkuat kuasa dengan serta-merta. Semua pampasan lain yang kurang daripada 100% jika telah dibayar boleh mengurangkan perlindungan dengan nisbah amaun yang dibayar dari tarikh kemalangan sehingga berakhirnya tempoh Sijil Takaful.

Jadual Manfaat	
Kejadian	% Amaun Perlindungan
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
Hilang:-	
a) Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b) Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c) Ibu jari:	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
d) Jari telunjuk:	
i) ketiga-tiga ruas	10%
ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari tengah:	
i) ketiga-tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%

f) Jari manis:	
i) ketiga-tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari Kelingking:	
i) ketiga-tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%
h) Metacarpi:	
i) pertama atau kedua	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima	2%
i) Jari Kaki	
i) kesemua jari sebelah kaki	15%
ii) kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap-tiap satu	1%

c) Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Pembedahan (MSER)

Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke dalam hospital dan menjalani Pembedahan* akibat kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kecederaan, Orang Yang Dilindungi boleh mengemukakan tuntutan ke atas perbelanjaan perubatan dan sebarang kos yang munasabah dan yang diperlukan, yang telah dibayar oleh Orang Yang Dilindungi kepada doktor dan/atau hospital yang berdaftar. Pembayaran balik tuntutan ini terhad kepada 5% daripada Manfaat Takaful untuk setiap kemalangan.

Nota: Pembedahan didefinisikan sebagai pembedahan kecil dan besar berpandukan kepada "Jadual Fi MMA Edisi ke-4 2002" atau edisi terbaru.

d) Keilatan Sementara dan Menyeluruh (TTD)

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami TTD selama tujuh (7) hari berturut-turut akibat oleh daripada kemalangan, manfaat mingguan iaitu 0.6% daripada Manfaat Takaful atau berkadaran daripadanya setiap hari akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi semasa tempoh keilatan dari tarikh kemalangan. Jumlah minggu maksima yang dilindungi adalah lima puluh dua (52) minggu bagi setiap kemalangan dan manfaat ini tidak terpakai sekiranya Orang Yang Dilindungi adalah Penganggur atau seorang pelajar sepenuh masa.

"Keilatan Sementara dan Menyeluruh" bermaksud kecacatan yang sepenuhnya mencegah Orang Yang Dilindungi daripada menjalankan sebarang jenis perniagaan atau pekerjaan. Ini akan didasarkan pada penilaian oleh Syarikat yang dilantik penasihat perubatan.

e) Keilatan Sementara dan Separa (PTD)

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami PTD selama tujuh (7) hari berturut-turut akibat daripada kemalangan, manfaat mingguan iaitu 0.2% daripada Manfaat Takaful atau berkadaran daripadanya setiap hari akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi semasa tempoh keilatan dari tarikh kemalangan. Jumlah minggu maksima yang dilindungi adalah lima puluh dua (52) minggu jumlah untuk kedua-dua TTD & PTD bagi setiap kemalangan. Manfaat ini tidak terpakai sekiranya Orang Yang Dilindungi adalah Penganggur atau seorang pelajar sepenuh masa.

PTD bermaksud kecacatan yang menghalang Orang Yang Dilindungi dari menjalankan sebahagian besar daripada perniagaan atau pekerjaan tetapi Orang Yang Dilindungi tidak mengalami Keilatan Sementara dan Menyeluruh. Ini akan didasarkan pada penilaian oleh penasihat perubatan yang dilantik oleh syarikat.

f) Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Pesakit Luar (OMRB)

Sekiranya Orang Yang Dilindungi menerima rawatan perubatan pesakit luar ke atas kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa kecederaan, Orang Yang Dilindungi boleh mengemukakan tuntutan perbelanjaan perubatan dan sebarang kos perubatan rawatan pesakit luar yang munasabah dan yang diperlukan, yang telah dibayar oleh Orang Yang Dilindungi kepada doktor dan/atau hospital* yang berdaftar. Pembayaran balik tuntutan ini terhad kepada 1% daripada Manfaat Takaful untuk setiap kemalangan.

Nota: Hospital bermaksud unit kemalangan dan kecemasan daripada hospital/klinik kerajaan, dan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan di bawah “Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 - UNDANG-UNDANG MALAYSIA.

g) Manfaat Sijil Takaful Matang

Jumlah pembayaran sekali-gus di mana jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar apabila Sijil Takaful mencapai tarikh matang.

h) Manfaat Serahan Sijil Takaful

Jumlah pembayaran sekali-gus dimana jumlah terkumpul di dalam PRIA, termasuk pendapatan pelaburan dari PRIA dan lebihan boleh-agih bersih daripada Dana Risiko, jika ada, akan dibayar apabila berlakunya penyerahan Sijil Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar bergantung kepada kelas pekerjaan anda. Sumbangan Takaful anda adalah seperti berikut:

Kelas Pekerjaan	:	2
Pelan	:	30,000
Amaun Perlindungan	:	RM30,000.00
<u>Sumbangan Takaful Tahunan</u>	:	<u>RM322.80</u>

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan Takaful IKHLAS berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful setiap Orang Yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Takaful IKHLAS akan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful atau penarikan-balik portfolio. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat, terdapat perubahan terhadap sebarang manfaat produk dan/ atau profil risiko Orang Yang Dilindungi. Sebab-sebab untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak-semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

a) Yuran Wakalah*

Tahun	Yuran Wakalah	Komisyen
Pertama	75.5% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM243.71	55% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM177.54
Kedua	64% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM206.59	45% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM145.26
Ketiga	44.25% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM142.84	26% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM83.928
Keempat	42.75% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM138	25% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM80.7
Kelima	27.25% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM87.96	10% of Daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM32.28
Keenam	27.25% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM87.96	10% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM32.28
Ketujuh dan ke atas	16.5% daripada Sumbangan Takaful Tahunan atau RM53.26	Tiada Komisyen Dibayar

* Komisyen adalah sebahagian daripada yuran Wakalah.

- b) Caj Tabarru akan ditolak daripada PRIA. Tabarru' akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Orang Yang Dilindungi. Butiran amaun tabarru' dan lain-lain caj untuk pelan ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam ilustrasi manfaat.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- b) Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful diterima. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuatkuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) Jumlah terkumpul di dalam PRIA – Pendapatan pelaburan sebenar boleh berubah-ubah mengikut keadaan pasaran. Oleh itu, jumlah terkumpul di dalam PRIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang telah dibuat ke dalam PRIA (berkemungkinan menyebabkan peluputan Sijil Takaful sebelum tempohnya).
- d) Keuntungan pelaburan daripada PRIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Peserta Takaful (melalui PRIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak 30% daripada keuntungan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada 30% daripada keuntungan pelaburan sebagai Yuran Prestasi Pelaburan.
- e) Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar yang diisytiharkan pada setiap akhir Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful.
- f) Adalah penting bagi anda untuk menerima dan menyimpan resit-resit sebagai bukti pembayaran Sumbangan-sumbangan Takaful.

- g) Sekiranya anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- h) Notis terhadap tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, pihak Syarikat akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang pihak Syarikat dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah di kemukakan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

7) Apakah pengecualian- pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful Tambahan ini tidak akan melindungi sebarang kematian, hilang upaya berpunca secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada salah satu kejadian-kejadian berikut:

- a) Melakukan, cuba melakukan atau memprovokasikan serangan, feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang Yang Dilindungi;
- b) Rusuhan dan kacau-bilau awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- c) Membunuh diri atau sebarang percubaan ke arahnya atau mencederakan diri secara siuman atau tidak;
- d) Peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, revolusi, atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan;
- e) Perkhidmatan ketenteraan atau laut semasa peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak atau semasa diberikan arahan atau sebarang jenis operasi berbentuk peperangan atau ketika mengembalikan ketenteraman awam;
- f) Membuat tangkapan sebagai seorang pegawai undang-undang;
- g) Pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau mengelakkan dari penahanan;
- h) Perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
- i) Kemalangan yang berlaku semasa atau disebabkan oleh Orang Yang Dilindungi berada di bawah pengaruh alkohol melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang atau dadah selain daripada perskripsi yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar;
- j) Sebarang keuzuran atau penyakit disebabkan oleh hernia, ptomaines atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyogenik disebabkan oleh atau akibat daripada luka atau kecederaan akibat kemalangan);
- k) Menghidu racun, gas atau bahan berwap (secara disengajakan atau tidak);
- l) Memasuki, mengendali atau berkhidmat, secara menaiki atau menuruni peralatan udara atau kenderaan udara termasuk melakukan terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara dan belon udara kecuali semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam penerbangan yang dikendalikan secara komersial sebagai penumpang berjadual melalui perjalanan berjadual;

- m) Sebarang perlakuan keganasan. Bagi tujuan ini perlakuan keganasan bermaksud sebarang perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman yang berkaitan dengannya, sama ada perseorangan atau berkumpulan melalui tindakan bersendirian atau bagi pihak yang berkaitan dengan sebarang organisasi, atau kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab dengan politik, keagamaan, ideologi atau yang berkaitan dengannya termasuklah dengan niat untuk mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan/atau menakutkan orang awam atau sebahagian daripadanya;
- n) Penyakit, kecederaan atau kerugian lain berlaku sebelum pembayaran Sumbangan Takaful yang pertama, atau dimana Sijil Takaful telah luput.
- o) Sebarang penyakit; mengandung, bersalin atau sebarang keguguran.
- p) Menggunakan enjin prototaip.

Kemasukan ke hospital di luar daripada Malaysia adalah tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful Tambahan ini.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian yang terdapat di bawah Sijil Takaful.

8) Bolehkah Sijil Takaful ini dibatalkan?

Menyertai pelan Takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar Sumbangan Takaful dalam tempoh ehsan, Sijil Takaful anda akan luput. Jumlah tunai yang akan dibayar oleh pengendali Takaful apabila anda membatalkan Sijil Takaful sebelum tempoh matang akan lebih rendah daripada jumlah Sumbangan Takaful yang anda telah bayar.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehnya daripada ejen Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Berhad

Jabatan CRM
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5
Bangsar South, No. 8 Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati.

IKHLAS Accidental Death & Disability Secure Takaful Rider

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL TAKAFUL YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada: 08/10/2018